

KAJIAN POLA DAN MAKNA KONTEKSTUAL PERKATAAN *BASAR* DALAM SURAH AL-ISRA'

A STUDY OF THE PATTERN AND CONTEXTUAL MEANING OF WORD *BASAR*
IN SURAH AL-ISRA'

Robiatul Adawiyah Mohd

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

E-mail: adawiyah@usim.edu.my

Nur Farhana Baharuddin

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia

71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

E-mail: farhana@gmail.com

Zainal Abidin Hajib

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia

71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

E-mail: zainal@gmail.com

Norzulaili Mohd Ghazali

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

E-mail: norzulaili@usim.edu.my

Hishomudin Ahmad

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia

71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

E-mail: hishomudin@usim.edu.my

Abstrak

Al-Quran adalah kitab suci yang diturunkan pada 15 kurun yang lalu. Setiap huruf, perkataan, ayat dan surah di dalamnya mengandungi pola yang sempurna dan tersusun indah. Setiap pola dalam al-Quran mempunyai makna yang signifikan untuk dikaji. Secara umumnya kajian mengenai pola al-Quran telah banyak dijalankan. Walau bagaimanapun tiada kajian spesifik mengenai pola berdasarkan perkataan dalam al-Quran khususnya perkataan *basar*. Tambahan pula terjemahan al-Quran sedia ada didapati tidak mengambil kira aspek pemakaian secara kontekstual sesuatu perkataan dalam terjemahan mereka. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji pola perkataan *basar* dalam surah al-Isra', menganalisis makna perkataan *basar* dan mengklasifikasikannya berdasarkan pendekatan tematik terhadap makna konteks ayat. Kertas kerja ini merupakan kertas kerja konseptual dengan menggunakan kaedah kualitatif serta kaedah analisis kandungan berdasarkan pendekatan tematik. Hasil dapatan kajian mendapati dalam surah al-Isra' terdapat 8 pengulangan perkataan "*basar*". Dapatan kajian ini juga mendapati bahawa setiap perkataan *basara* mempunyai makna yang berbeza berdasarkan derivasi dan makna konteks setiap ayat. Pemahaman khusus sebegini perlu dikaji secara lebih meluas terhadap perkataan yang ada di dalam al-Quran, lebih-lebih lagi terjemahan al-Quran sedia ada tidak mengambil kira pendekatan ini dalam penterjemahan mereka.

Kata kunci: pola, makna konteksual, *basar*, surah al-Isra', *tafsir*

Abstract

Quran is a scripture that was revealed in the last 15 centuries. Each letter, word, verse and sura contains a perfect and beautiful pattern. Each pattern in the Quran has significant meaning to be studied. Generally, the study of the Quranic pattern has been carried out. However, there is no specific study of the word-based pattern in the Quran especially the word basar. Furthermore, existing Quranic translations have not taken into account the contextual meaning of a word in their translation. Hence, this study aims to examine the basar word pattern in surah al-Isra', analyze the meaning of the word basar and classify it based on the thematic approach. This paper is a conceptual work paper using qualitative methods and content analysis methods based on the thematic approach. The findings of the study show that there are 8 repetitions of the word basar in surah al-Isra'. The finding of this study also found that each word basar has different meanings based on the derivation and the contextual meaning of each verse. Such special understanding should be examined more broadly on the words contained in the Quran, especially the existing Quranic translations do not take this approach in their translation.

Keywords: pattern, contextual meaning, basar, surah al-Isra', exegesis

Pendahuluan

Pola merupakan sesuatu struktur yang tersusun. Menurut Kamus Dewan (2013) pola bermaksud cara sesuatu terbina atau terbentuk daripada pelbagai bahagian, unsur, atau aspek hingga menjadi suatu pola, sistem, atau bentuk tertentu.¹ Al-Quran merupakan mukjizat yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW. Mukjizatnya terdapat dalam pelbagai dimensi antaranya aspek susunan al-Quran (*al-nuzum*) sama ada susunan huruf, kalimah, ayat dan suara yang mengandungi keindahan dan keunikan yang tersendiri².

Kajian Pola al-Quran

Kajian pola al-Quran banyak dijalankan khususnya dalam bidang *information and communication technology* (ICT) dalam pelbagai aspek khususnya berkaitan pola kekerapan berdasarkan kajian tematik. Kajian pola al-Quran berdasarkan *Ulum al-Quran* juga turut dijalankan kerana ia mempunyai signifikan dengan makna ayat seperti kajian *awal wa akhir ma nazal, makiyyah* dan *madaniyyah*.

Kajian-kajian ini mampu memberi dimensi baharu dalam penghayatan al-Quran. Walaubagaimanapun kajian sedia ada lebih menjurus

kepada konsep ontologi dan tiada huraian ayat secara spesifik³. Selain itu, terdapat pelbagai laman sesawang yang turut menawarkan perkhidmatan enjin pencarian menggunakan konsep pola al-Quran seperti Arabic Quranic Corpus (Quran Leeds), Searchtruth, Tanzil.net, Qurany and IslamiCity.com dan sebagainya. Namun, pola berdasarkan perkataan berserta makna kontekstual masih kurang. Justeru, kajian pola berdasarkan makna perkataan perlu diterokai secara mendalam kerana setiap perkataaan, malah sinonim sesuatu perkataan dalam al-Quran mempunyai makna yang berbeza⁴.

Makna Basar dalam al-Quran

Perkataan *basar* diulang sebanyak 148 kali dalam al-Quran dalam pelbagai bentuk derivasi. Daripada aspek konteks, penggunaan perkataan *basar* dalam al-Quran membawa beberapa makna yang berbeza bergantung kepada konteks ayat. Menurut Aisyah Abdullah⁵ perkataan *basar* dalam Bahasa Arab bermaksud mengetahui/memahami sesuatu melalui panca indera mata dan ia tidak dikaitkan sebagai medium penghasilan sesuatu ilmu. Malah, Allah SWT tidak menjadikan mata dengan kemampuan untuk mendapatkan ilmu. Seandainya mata dijadikan perantaraan mendapatkan ilmu, sudah pasti orang buta tidak dapat memiliki ilmu kerana kekurangan tersebut. Namun sebaliknya, ramai orang buta

¹ Dewan Bahasa dan Pustaka. (2013). Kamus Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

² Al-Khatabi, Abu Sulayman Hamd bin Muhammad. (t.t). *Thalath Rasail fi Ijaz al-Quran*. Pentahqiq: Abdullah al-Sadiq. Kaherah: Tab'ah Dar al-Maarif. Al-Rummani, Al-Khatabi, al-Jurjani (t.t). *Thalath Rasail fi Ijaz al-Quran*. Kaherah: Tab'ah Dar al-Maarif. Al-Rafi'i, Mustafa Sadiq bin Abd al-Razzaq. (2005). *Ijaz al-Quran wa al-Balaghah al-Nabawiyyah*. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi. Abbas, Fadl Hassan. (2001). *Ijaz al-Quran al-Karim*. Jordan: Dar al-Furqan.

³ Saidah Saad & Naomi Salim. (2008). Methodology of Ontology Extraction for Islamic Knowledge Text. Postgraduate Annual Research Seminar. Hanna E., K. (1983). *A Concordance of the Quran*. Berkeley: University Of California Press

⁴ Al-Asfahani, Raghib. (2006). *Mu'jam Mufradat li alfadz al-Quran*. Beirut: Dar al-Fikr.


⁵ Aisyah Abdullah. (2011). *Athar al-tawlid al-dalali fi al-faz al-hawas al-khams : dirasah wasfiyah tahliliyah fi al-Quran al-karim*. Irbid : 'Alam al-Kutub al-Hadith.

mampu memiliki ilmu yang tinggi dan berjaya dalam bidang yang diceburi. Justeru, menurut Aisyah juga terdapat beberapa makna perkataan *basar* yang digunakan dalam al-Quran. Berikut adalah jadual 1 menunjukkan makna-makna perkataan *basar* berdasarkan *Mu'jam Arab*⁶ tersebut:

Bil	Perkataan "basar"	Makna
1	Makna teras secara tersurat	pancaindera mata
		deria penglihatan
		kebolehan untuk melihat
2	Makna teras secara tersirat	hati
		melihat dan meneliti

Jadual 1: Makna *basara* secara tersurat dan tersirat

Hasil Dapatan dan Perbincangan



Jadual 2: Pola Perkataan *basara* Dalam al-Quran dan Surah Al-Isra'

Surah *Makkiyyah* merekodkan jumlah tertinggi (109 kali) bagi pengulangan perkataan *basara* berbanding surah *Madaniyyah* (39 kali). Ini adalah kerana tema utama surah *Makkiyyah* menjurus kepada perkara akidah yang berhubung dengan kekuasaan Allah. Melalui pancaindera manusia khususnya penglihatan, pendengaran, tafakkur dan penghayatan tentang alam semesta ini mampu memandu manusia melihat bukti kewujudan dan kekuasaan Allah⁷. Selain itu, surah *Makkiyyah* juga banyak mencakupi perkara *sam'iyyat*. *Sam'iyyat* bermaksud perkara-perkara ghaib yang tidak dapat dilihat dengan pancaindera manusia seperti malaikat, alam barzakh, jin, iblis, syurga, neraka dan perkara ghaib yang lain. Dalam aspek ini terdapat dimensi

baharu pemahaman *basara* di mana ia menjangkaui kepada perkara metafizik yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Walaubagaimana pun, segala perkara ghaib yang dinyatakan dalam al-Quran dan sunnah wajib diimani sepenuhnya.

Pola Perkataan *Basara* dalam Surah Al-Isra' Berdasarkan Makna Tematik

Rajah 3 di bawah menunjukkan penggunaan ayat yang terdapat perkataan *basara* dalam al-Isra' menggunakan pendekatan tematik. Berikut adalah senarai ayat dan perkataan *basara* berdasarkan pendekatan tematik dalam surah al-Isra'.


⁶ Ibn Manzur. (1997). *Lisan Al-Arab*. Beirut: Darul Sadir.

⁷ Al-Zarqani, Muhammad Abdul Adzim. (t.t). *Manahil al-Irfan fi Ulum al-Quran*. Egypt: Matbaah Isa al-Babi al-Halabi.

Bil	Perkataan <i>basara</i> dalam Surah al-Isra'	Konsep/Makna tematik
1	سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعِنْدِهِ لَيْلًا مِنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَى الَّذِي بَارَكْنَا حُولَهُ لِرَبِّهِ مِنْ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ 17:01	Konsep: Asmaul husna - sifat Allah/Maha Melihat
2	وَجَعَلْنَا اللَّيلَ وَالنَّهَارَ آيَتَنِ فَمَحَوْنَا آيَةَ اللَّيلِ وَجَعَلْنَا آيَةَ النَّهَارِ مُبْصِرَةً لِتَبَغُّوا فَضْلًا مِنْ رِبِّكُمْ وَلَتَعْلَمُوا عَدَدَ السَّيِّنَاتِ وَالْجَسَابِ وَكُلُّ شَيْءٍ فَصَلَّلَهُ تَقْصِيْلًا 17:12	Konsep: Rukun iman - tauhid/pengesahan Allah/bukti keesaan/sains/astronomi
3	وَمَا مَنَعَنَا أَنْ نُرْسِلَ بِالآيَاتِ إِلَّا أَنْ كَذَّبُ بِهَا الْأَوْلَوْنَ وَاتَّهَا ثَمُودَ النَّاقَةَ مُبْصِرَةً فَظَلَمُوا بِهَا وَمَا نُرْسِلُ بِالآيَاتِ إِلَّا تَحْوِيْلًا 17:59	Konsep: Rukun Iman - tauhid/orang tidak beriman/keingaran dan permohonan disegerakan azab Perkataan (مُبْصِرَةً) merujuk kepada bukti/mukjizat yang nyata iaitu seekor unta
4	وَكُمْ أَهْلَكَنَا مِنَ الْفُرُونَ مِنْ بَعْدِ لُوحٍ وَكَفَى بِرَبِّكَ بِتُورَبٍ عِبَادِهِ خَيْرًا بَصِيرًا 17:17	Konsep: Asmaul husna - sifat Allah/Maha Melihat
5	إِنَّ رَبَّكَ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَنْ يَشَاءُ وَيَقْدِرُ إِنَّهُ كَانَ بِعِبَادِهِ خَيْرًا بَصِيرًا 17:30	Konsep: Asmaul husna - sifat Allah/Maha Melihat
6	فُلْ كَفَى بِاللَّهِ شَوِيدًا بَنِي وَبَيْنَكُمْ إِنَّهُ كَانَ بِعِبَادِهِ خَيْرًا بَصِيرًا 17:96	Konsep: Asmaul husna sifat Allah/Maha Melihat
7	إِلَّا رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ بَصَابِرٌ وَإِنِّي لَأَظُنُّكَ يَا فَرْعَوْنَ مُنْتُورًا 17:102	Konsep: Tanda kebesaran Allah - alam semesta/petunjuk dan iktibar/manusia

8	وَلَا تَقْعُدُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولاً 17:36	Konsep: Manusia dan nilai kemanusiaan <ul style="list-style-type: none"> - nilai buruk/mengintip/kenyataan tanpa bukti/kewajipan individu
---	--	---

Jadual 3: Tema Perkataan *basara* Dalam al-Quran dan Surah Al-Isra'



Jadual 4: Derivasi Perkataan *basara* dalam Surah al-Isra'

Berdasarkan jadual 3 dan 4 di atas, jelas menunjukkan bahawa perkataan *basara* banyak dipengaruhi oleh unsur makna kontekstual melalui derivasi dan konteks ayat. Dalam surah al-Isra' ini terdapat pengulangan perkataan *basara* yang tertinggi dalam kategori surah *Makkiyyah*. Menurut Sayyid Qutb⁸ tema utama surah al-Isra' adalah berkaitan akidah. Tuntutan beriman dengan akidah Islam adalah wajib, tidak kira ia perkara yang dapat dilihat mahupun sebaliknya. Kebanyakan hal-hal keimanan bersifat subjektif dan tidak dapat dilihat dengan penglihatan zahir. Justeru, dalam konteks surah al-Isra' terdapat banyak ayat yang menuntut kepada keimanan secara mutlak walaupun perkara itu tidak dapat dilihat secara zahir seperti maksud yang terkandung dalam surah al-Isra' ayat bernombor 1, 12, 17, 21, 28, 30, 36 dan 102.

Justeru, penggunaan perkataan *basara* pada surah ini mempunyai beberapa makna mengikut konteks ayat seperti berikut:

- Perkataan *basara* yang membawa makna tersurat seperti: (i) mata (ii) memahami dengan akal (iii) ilmu/pengetahuan. Contohnya ayat 17:36. Manakala makna hakiki bagi perkataan *basar* sering dirujuk sebagai satu kurniaan besar daripada Allah SWT. Ini adalah kerana dengan mata, ia membolehkan manusia melihat keindahan alam semesta dan segala isinya. Dengan penglihatan ini ia menjadikan manusia berfikir mencari tuhan sebenar iaitu Allah SWT. Justeru, maksud perkataan *basar* dalam ayat di atas adalah sebagai deria penglihatan bertujuan

⁸ Qutub, Sayyid. (1982). Fi Zilal al-Quran. Beirut: Dar al-Syuruq.

untuk melihat. Menurut Aisyah Abdullah⁹ perkataan *basar* dari sudut Bahasa Arab tidak menunjukkan makna ilmu pengetahuan yang mutlak. Allah S.W.T tidak menjadikan mata sebagai alat untuk mendapatkan ilmu. Sekiranya mata dijadikan sebagai medium mendapatkan ilmu, sudah pasti orang yang buta tidak akan dapat memiliki ilmu lantaran cacat penglihatan. Sebaliknya, ramai orang buta memiliki ilmu yang tinggi dan berjaya dalam bidang yang diceburi.

- ii. Makna tersirat daripada perkataan *basara* adalah seperti berikut:
 - a. melihat dengan penuh kesedaran atau dikenali dengan pandangan mata hati. Pemahaman inilah yang menjadi tujuan asal Allah menciptakan mata dan penglihatan manusia. Iaitu untuk mengambil pengajaran dalam semua perkara yang dilihat untuk mendapat keredhaan Allah.
 - b. pemahaman sempurna yang terhasil daripada hati (*qalb*). Antaranya:
 - i. ayat 17:12 yang membawa maksud terang yang dapat menyinari penglihatan,
 - ii. 17:59 bermaksud kaum Tsamud menjadi dapat melihat sendiri unta mukjizat nabi Saleh.
- iii. Nama Allah “*al-Basir*”: Pola “*al-Basir*” merekodkan pengulangan tertinggi dalam surah al-Isra’ berbanding tema lain. “*Al-Basir*” merujuk kepada *Asmaul Husna* yang merupakan di antara nama Allah. Ia bermaksud penglihatan Allah yang melangkaui penglihatan seluruh makhluk termasuk manusia. Ia merangkumi ilmu Allah meliputi keseluruhan perbuatan makhluk-Nya sama ada baik, buruk, taat, zalim, iman, kufur dan sebagainya. Kerana itu, nama Allah *al-Basir* sering digandingkan dengan *al-'Alim* kerana hubungan rapat kedua-duanya dengan ilmu. Malah penglihatan Allah juga membawa makna bahawa Allah memerhati makhlukNya dalam erti kata akan memberi

balasan atas segala perbuatan makhluk baik atau buruk. Ia juga membawa makna amaran, peringatan dan janji buruk bagi mereka yang menentang syariat-Nya, hujah dan bukti, pengajaran dan iktibar.

- iv. Sifat Allah Maha Melihat dalam surah al-Isra’ ini membawa beberapa makna, antaranya:

a. Allah Maha Melihat dan Mengetahui setiap peristiwa Israk dan Mikraj sebelum dan selepas peristiwa tersebut sepanjang zaman. Begitu juga tentang respon orang kafir dan beriman selepas berlakunya peristiwa Isra Mikraj. (السميع البصير)

b. Tiga ayat yang diakhiri dengan perkataan (عَبَادٌ خَبِيرٌ بَصِيرٌ) membawa makna Allah SWT Maha Memerhati dan Membalas setiap perbuatan zalim manusia, Maha Adil dalam pemberian rezeki dan menjadi saksi atas setiap perbuatan manusia.

c. Membawa makna hujah, bukti tentang kekuasaan Allah SWT.

Penutup

Kesimpulannya, al-Quran memiliki ketinggian makna dan balaghah, setiap perkataan membawa maksud yang berbeza dan menurut sebahagian ulama, perkataan sinonim tiada dalam al-Quran. Begitu juga penggunaan dan penetapan setiap perkataan pada ayat al-Quran juga mempunyai mesej tertentu yang ingin disampaikan sama ada tersurat atau tersirat. Pemahaman dan penghayatan al-Quran sebegini seharusnya menjadi agenda utama dalam pembangunan modal insan di Malaysia. Di samping itu, terdapat ruang yang besar bagi penyelidik untuk mengkaji setiap perkataan dalam al-Quran, ini kerana mukjizat al-Quran tidak akan terhenti sehingga hari kiamat. Justeru, kajian seumpama ini perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa agar hasrat negara untuk mencapai modal insan kelas pertama.

Penghargaan

Artikel ini mendapat sokongan daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) - USIM/FRGS/ FPQS/32/51814: “Model Baharu Dalam Pengekstrakan Pola Quran Berdasarkan Ontologi Tanzil Quran” dan geran penyelidikan USIM PPP/USG-0216/FPQS/30/18116 “A New Approach Of The Quran Contextual Meaning Based On Surah For The Word Basar”.

⁹ Aisyah Abdullah. (2011). Athar al-tawlid al-dalali fi alfaz al-hawas al-khams : dirasah wasfiyah tahliliyah fi al-Quran al-karim.

RUJUKAN (REFERENCES)

- [1] Abbas, Fadl Hassan. (2001). *Ijaz al-Quran al-Karim*. Jordan: Dar al-Furqan.
- [2] Abbas, Fadl Hassan. (2007). *Muhadharat fi Ulum al-Quran*. Amman: Dar al-Nafais.
- [3] Aisyah Abdullah. (2011). *Athar al-tawlid al-dalali fi alfaz al-hawas al-khams : dirasah wasfiyah tahliliyah fi al-Quran al-karim*. Irbid: 'Alam al-Kutub al-Hadith.
- [4] Al-Anbari, Abu Bakr Muhammad bin al-Qasim. (1987). *Al-Adhdadh*. Beirut: Maktabat al-Asriyyah.
- [5] Al-Asfahani, Raghib. (2006). *Mu'jam Mufradat li alfaz al-Quran*. Beirut: Dar al-Fikr.
- [6] Al-Khatabi, Abu Sulayman Hamd bin Muhammad. (t.t). *Bayan Ijaz al-Quran*. t.p.
- [7] Al-Khatabi, Abu Sulayman Hamd bin Muhammad. (t.t). *Thalath Rasail fi Ijaz al-Quran*. Kaherah: Tab'ah Dar al-Maarif.
- [8] Al-Rafi'i, Mustafa Sadiq bin Abd al-Razzaq. (2005). *Ijaz al-Quran wa al-Balaghah al-Nabawiyyah*. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabiyy.
- [9] Al-Rummani, Al-Khatabi, al-Jurjani (t.t). *Thalath Rasail fi Ijaz al-Quran*. Kaherah: Tab'ah Dar al-Maarif.
- [10] Al-Zarkasyi, Abu Abdullah Badr al-Din Muhammad. (1957). *Pentahqiq: Muhammad Abu Fadhl Ibrahim*. Beirut: Dar Ihya al-Kutub al-Arabiyyah Isa al-Babi al-Halabi.
- [11] Al-Zarqani, Muhammad Abdul Adzim. (t.t). *Manahil al-Irfan fi Ulum al-Quran*. Egypt: Matbaah Isa al-Babi al-Halabi.
- [12] Atiatul Mu'min. (2008). *Sifat Dua Puluhan Rukun Iman*. Universitas Indonesia.
- [13] Bintu al-Syati', Aisyah Muhammad Ali Abdul Rahman. (t.t.). *al-Tafsir al-Bayani lil Quran al-Karim*. Al-Kaherah: Dar al-Maarif.
- [14] Braun, V. & Clarke, V. (2006). "Using Thematic Analysis in Psychology". *Qualitative Research in Psychology*.
- [15] F. Fonseca. (2005). *The Double Role of Ontologies in Information Science Research*. Journal of the American Society for Information Science and Technology, 58(6), p. 786-793.
- [16] Hanna E., K. (1983). A Concordance of the Quran.
- [17] Ibn Faris, Ahmad bin Faris bin Zakaria al-Qazwaini. (1979). *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. t.t: Dar Fikr.
- [18] Ibn Manzur. (1997). *Lisan Al-Arab*. Beirut: Darul Sadir. n.p.
- [19] Ibrahim Mustafa et al. (2004). *Mu'jam Al-Wasiq*. Qaherah: Dar al-Da'wah. n.p.
- [20] M Darwis Hude. (2006). *Penjelajah Relijius Psikologi Tentang Emosi Manusia Didalam Al-Qur'an*. Jakarta: Erlangga. .
- [21] Qutub, Sayyid. (1982). *Fi Zilal al-Quran*. Beirut: Dar al-Syuruq
- [22] Saidah Saad & Naomi Salim. (2008). *Methodology of Ontology Extraction for Islamic Knowledge Text*. Postgraduate Annual Research Seminar.
- [23] Yusuf al - Hajj Ahmad. (t.t.). *Mukjizat Ilmiah dan al - Qur'an*. Jakarta: Pt Kharisma Ilmu.